

Bab 5

PENDIDIKAN BAHASA MELAYU DALAM PERADABAN MELAYU

Pengenalan

Salah satu ciri peradaban manusia ialah mempunyai satu bahasa dengan sistem tulisannya sendiri. Sama seperti peradaban-peradaban lain, Peradaban Melayu juga mempunyai satu bahasa iaitu bahasa Melayu dan sistem tulisannya sendiri iaitu tulisan Jawi. Kerana itu, terdapat kata-kata hikmat dalam masyarakat Melayu yang berbunyi 'Bahasa Melambangkan Bangsa'.

Oleh kerana bahasa Melayu digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu, maka pendidikan bahasa Melayu dianggap penting. Secara umumnya, kanak-kanak mempelajari bahasa Melayu daripada ibu bapa dan rakan-rakannya. Pada peringkat awalnya, memang tidak terdapat sekolah formal yang mengajar ilmu bahasa Melayu. Hanya mereka yang menyedari kepentingan bahasa Melayu berusaha mempelajarinya daripada guru-guru yang mahir. Apabila Inggeris datang ke Tanah Melayu, barulah usaha-usaha dijalankan untuk menjadikan pelajaran bahasa Melayu sebagai mata pelajaran formal. Oleh yang demikian, pendidikan bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua, iaitu:

1. Pendidikan Tidak Formal
2. Pendidikan Formal

Pelajaran Bahasa Melayu Secara Tidak Formal

Ilmu Bahasa Dalam Masyarakat Melayu Silam

Pada masa silam, bahasa Melayu diajar secara tidak formal. Kewujudan ilmu bahasa Melayu di kalangan masyarakat silam dapat dibuktikan dengan wujudnya kitab-kitab yang memperihalkan ilmu bahasa secara tradisional termasuk tatabahasa, surat-kiriman, pepatah, petitih dan terasul. Antaranya ialah kitab **Bustan al-Katibin**, karya Raja Ali Haji yang membicarakan persoalan penulisan bahasa Melayu dan nahu bahasa Arab yang disesuaikan dengan bahasa Melayu. (Harun Mat Piah, 1993:533)

Selain itu, **Kitab Pengetahuan Bahasa** merupakan satu lagi hasil tulisan Raja Ali Haji. Kitab itu dianggap sebagai kamus tulisan orang Melayu sendiri, dan dipercayai siap ditulis pada tahun 1859 Masihi. Walau bagaimanapun, entri di dalam kitab ini hanya setakat huruf 'ca' sahaja. Ada pendapat yang mengatakan kitab tersebut tidak selesai penulisannya. Ada juga mereka yang mengatakan bahawa penulisan kitab itu selesai, tetapi telah terbakar hingga tinggal huruf 'ca' sahaja. Berikut merupakan petikan daripada halaman 328 teks tersebut:

Tengku adalah asalnya 'tan' dan 'engkau'. Maka diahfakan min kepada kaf berbunyi 'a'in. 'Tan' ertinya anak raja; tiada bezanya dengan anak bendahara, anak temenggung atau anak raja muda. Misalnya, Tan Erang, anak Sultan Abdul Jalil, Tan Kecik, anak Raja Muda, Tan Abu, Anak Datuk Bendahara Sri Maharaja, Tan Abdur Rahman, anak Temenggung. Maka nyatalah tan gelaran anak raja-raja yang berempat itu. Tuanku sama dengan tuan aku. Engku orang yang rendah pangkatnya atau orang yang memangku suatu pekerjaan. Di Aceh, tungku adalah gelaran orang alim, tunku gelar orang bangsawan.

Kitab Pengetahuan Bahasa sangat terkenal dalam pengajian ilmu bahasa Melayu. Huraian-huraian yang dikemukakan oleh Raja Ali Haji sering dirujuk oleh penulis-penulis kamus dan ahli-ahli bahasa dalam usaha mereka memperkembangkan ilmu bahasa Melayu. (Harun Mat Piah, 1993:534)

Pelajaran Bahasa Melayu Pada Masa Abdullah Munshi

Pada masa Abdullah Munshi, kesedaran untuk menimba ilmu pengetahuan terpulang kepada individu. Kebanyakan anak-anak muda hanya belajar sekadar mengaji al-Quran dan tulisan Jawi semasa kanak-kanak, kemudian menamatkan pengajiannya. Tetapi Abdullah mendapat pendidikan yang berbeza disebabkan kesedaran ayahnya, Abdul Kadir, seorang guru bahasa Melayu yang terkenal di Melaka, supaya anaknya mahir dalam bahasa Melayu. Oleh itu, setelah tamat mendapat pendidikan mengaji al-Quran semasa kanak-kanak, beliau diajar pula membaca dan menulis di dalam bahasa Melayu apabila usianya meningkat remaja. Pada peringkat awal, pelajaran ini dipelajari dari bapanya sendiri. Kemudian, beliau belajar secara sistematik dengan beberapa orang guru bahasa Melayu yang terkenal di Melaka. Mereka ini berketurunan India Muslim dan Melayu. Mereka ialah Khoja Muhammad, Jamal Muhammad bin Nor Muhammax Surati, Abdul Kadir bin Muhammad Ibrahim, Muhid bin Ahmad Lebai, Yahya bin Abdul Wahid dan Ismail bin Muhammad Arif Surati. (Abdullah bin Abdul Kadi Munshi, Jilid 1, 1915:47)

Beliau mempelajari tatabahasa, nahu dan filologi bahasa Melayu. Guru-gurunya mengajar tentang peraturan-peraturan yang jelas mengenai selok-belok bahasa Melayu

lama, yang banyak dipengaruhi oleh bahasa Arab dan tulisan Jawi pula sebenarnya diilhamkan oleh bahasa Arab (seperti yang terdapat dalam al-Quran). Oleh yang demikian, cara membaca serta menulis perkataan-perkataan Melayu mempunyai persamaan dengan cara bacaan dan tulisan al-Quran.

Abdullah juga rajin membaca 'hikayat-hikayat Melayu dan karangan orang tua-tua'. Melalui usaha tersebut, beliau dapat mempelajari selok-belok bahasa Melayu di samping menambah perbendaharaan kata. Abdullah juga mahir dalam bahasa Melayu hasil usahanya bertanya dari orang-orang yang pandai walaupun rumah mereka terletak jauh dari bandar Melaka. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915 : 49, Ramlah Adam, 1997 : 61) Beliau juga belajar cara mengarang surat kiriman. Kebolehannya terbukti apabila beliau berupaya menulis sepucuk surat perjanjian hutang seorang nakhoda kapal dari Siak. (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915 : 44, Ramlah Adam, 1997:59)

Pada zaman Abdullah Munshi, terdapat banyak buku-buku, syair dan hikayat dalam bahasa Melayu. Surat hutang-piutang juga ditulis dalam bahasa Melayu. Sungguhpun rumah-rumah tempat mengaji pada masa itu hanya mengajar bahasa Arab sahaja, tetapi bahasa tersebut tidak digunakan dalam kehidupan seharian. Bahasa Melayu tetap digunakan dalam percakapan seharian dan dalam urusan perniagaan serta surat-menyurat.

Kebanyakan masyarakat Melayu tidak mementingkan pengajian bahasa Melayu kerana tidak nampak faedah mempelajarinya. Ini kerana bahasa Melayu hanya digunakan di peringkat rendah sebagai bahasa pertuturan orang ramai. Tambahan pula,

bahasa Melayu dianggap sebagai bahasa sendiri yang boleh digunakan tanpa dipelajari. Masyarakat Melayu silam lebih mementingkan bahasa Arab kerana bahasa itu adalah bahasa al-Quran dan bahasa agama Islam yang berguna di dunia dan akhirat. Dalam urusan perniagaan pula, bahasa Keling biasanya digunakan. (Ramlah Adam, 1997:61)

Oleh itu, hanya mereka yang menyedari kepentingan bahasa Melayu berusaha mempelajarinya dari orang-orang yang berkemahiran. Tetapi sangat sedikit orang-orang di Melaka pada masa itu yang pandai membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.(Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Jilid 1, 1915 : 46-54). Keadaan menjadi semakin parah dengan ketiadaan sekolah atau tempat belajar bahasa Melayu. Kesedaran orang seperti Abdullah telah dapat menyelamatkan seterusnya meninggikan taraf bahasa Melayu sehingga dapat diwarisi oleh generasi kemudian. Melalui penguasaan terhadap bahasa Melayu, Abdullah telah dapat mengarang, merekod serta memindahkan ilmu yang dipelajari pada zamannya untuk tatapan generasi kemudian.(Ramlah Adam ,1997: 62)

Pengaruh Inggeris Ke Atas Abdullah Munshi Untuk Menjadikan Pengajian Bahasa Melayu Sebagai Pelajaran Formal

Stamford Raffles, seorang pegawai Inggeris, sangat berminat untuk memperkenalkan pelajaran Melayu kepada masyarakat tempatan. Pada tahun 1810 Masihi, beliau telah melawat ke Melaka sebagai Gabenor Jeneral untuk menyediakan angkatan tentera melanggar tanah Jawa. Semasa lawatannya ke Melaka, beliau berkesempatan meninjau pendidikan yang wujud di kalangan orang-orang Melayu di Melaka pada masa tersebut dengan ditemani oleh Munshi Abdullah yang bertugas sebagai juru bahasa dan penterjemah kepadanya. Beliau mendapati bahawa hanya

pelajaran al-Quran yang diajar, tetapi pelajaran bahasa Melayu belum diajar. Lalu beliau berkata kepada Munshi Abdullah:

‘Baiklah Encik, kalau umur saya panjang, saya mahu taruh tempat belajar bahasa Melayu. Saya terlalu sayang kerana bahasa Melayu itu terlalu bagus bunyinya dan lagi banyak gunanya.’ (Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, 1915 : 94)

Usaha Awal Inggeris Untuk Menjadikan Bahasa Melayu Sebagai Pelajaran Formal

Untuk memudahkan British menjajah negeri-negeri di sebelah timur ini, penduduk tempatan perlu diberi pelajaran supaya budipekerti mereka dapat diperbaiki. Pada bulan Oktober 1817 Masihi, Raffles telah dilantik menjadi Gabenor Bangkahulu. Dengan kuasa yang ada padanya, beliau telah mendirikan beberapa buah sekolah untuk memberi pendidikan kepada anak-anak negeri. Sekolah-sekolah tersebut dipercayai dikelolakan oleh badan-badan penyebar agama Kristian. Mata pelajaran yang diajar termasuklah yang berkaitan dengan agama Kristian dan sedikit pelajaran mengenai bahasa Melayu. Seterusnya pada tahun 1820 Masihi, beliau telah membuka sekolah pertukangan yang telah mengalami perkembangan pesat dan banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat di Bangkahulu. Semua ini dilakukan oleh Raffles kerana beliau merasakan bertanggungjawab untuk memberi pelajaran kepada masyarakat yang dijajahnya. (Mansur Sanusi, 1955 : 25-26)

Gabenor Jeneral di Benggala menaruh kepercayaan penuh kepada Raffles bagi melaksanakan usaha mendirikan empayar British di sebelah timur dan pusat perniagaan di selatan Selat Melaka. Setelah mempelajari sejarah negeri Melayu dari masyarakat

tempatan, Raffles akhirnya berjaya menakluki Singapura daripada Sultan Hussein Shah pada tahun 1819 Masihi. Beliau kemudiannya telah merancang dasar pelajaran untuk anak-anak negeri. Antara usahanya ialah mendirikan sebuah kolej bahasa tempatan untuk anak-anak golongan bangsawan dan untuk mengajar bahasa Melayu kepada pegawai-pegawai Syarikat Hindia Timur dengan tujuan untuk memperdalamkan pengetahuan mereka mengenai sejarah masyarakat Melayu dan pemerintahannya. (Mansur Sanusi, 1955:26-27) Sultan Hussein sendiri mencadangkan agar Raffles mendirikan sebuah sekolah di Singapura bagi mengajar putera-puteranya. Sebulan selepas mengadakan perbincangan dengan Sultan Hussein, maka lahirlah *Raffles Institution*.

Peristiwa penubuhan *Raffles Institution* telah dibuat dalam satu perjumpaan ramai antara Sultan, Temenggung dan pembesar-pembesar-pembesar Inggeris yang lain di rumah Farquhar, Gabenor Singapura. Sekolah itu didirikan dengan hasil kutipan derma sebanyak \$1,750.00 dari saudagar-saudagar, pembesar-pembesar Melayu serta pihak-pihak lain. Jumlah tersebut merupakan satu jumlah yang besar pada masa tersebut. Dengan wang itulah, *Raffles Institution* didirikan di Sungai Beras Basah pada tahun 1823 Masihi. (Ramlah Adam, 1997:66)

Di samping golongan bangsawan, Raffles juga bercadang untuk memberi pendidikan kepada rakyat jelata di seluruh kepulauan Melayu termasuk Siam dan Burma. Ini terbukti apabila beliau mendirikan beberapa buah sekolah Melayu di Singapura dan Sumatera di bawah kawalan badan-badan pengembang agama Kristian di bawah naungannya.

Tujuan utama Raffles ialah mengadakan sebuah sekolah tinggi untuk meningkatkan pengetahuan penduduk tempatan. Beliau percaya bahawa melalui pelajaran, kaum-kaum di Tanah Melayu dapat bekerjasama untuk kemajuan negara. Oleh itu, mata pelajaran yang diajar di kolej tersebut termasuklah bahasa-bahasa anak negeri dan budaya masing-masing. Tiga bahasa utama yang perlu diajar ialah bahasa Melayu, Bugis dan Siam. Penuntut-penuntut bolehlah memilih salah satu daripada bahasa di atas berserta bahasa Arab. Tulisan Rumi dalam bahasa Inggeris diajar bagi darjah-darjah tinggi. Munsyi-munsyi pula ditugaskan bagi mengajar pegawai-pegawai Syarikat Hindia Timur. (Mansur Sanusi, 1955 : 28)

Sebelum Raffles dapat melaksanakan sebahagian kecil dari cadangannya, beliau diperintahkan supaya kembali ke Bangkahulu. Singapura ditinggalkan di bawah jagaan *Major Farquhar*. Walau bagaimanapun, Raffles masih ingin menjayakan rancangannya di Singapura. Tambahan pula, surat-suratnya tidak mendapat layanan daripada pegawai-pegawai tinggi. Kemudian beliau ditimpa pula kemalangan apabila ketiga-tiga anaknya meninggal dunia dan beliau sendiri kurang sihat. Oleh itu beliau terpaksa balik ke England. Sebelum kepulangannya ke England, Raffles singgah di Singapura pada Oktober 1823 Masihi bagi meneruskan rancangannya. Pada April 1823 Masihi, beliau telah meletak batu asas bagi *Raffles Institution*. Pada bulan Jun, beliau terpaksa meninggalkan Singapura tanpa sempat melihat kejayaan kolej tersebut. Beliau memberi kepercayaan kepada Tuan Crawford yang mengaku untuk meneruskan usaha tersebut. (Mansur Sanusi, 1955 : 29)

Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Vernakular Melayu

Oleh kerana terlalu berminat untuk memperkenalkan pelajaran Melayu, maka Raffles pernah mencadangkan agar kerajaan menyediakan tempat belajar yang lebih sesuai. Saranan tersebut ditolak oleh kerajaan British kerana ia amat bertentangan dengan dasar penjajah. Menyediakan pendidikan yang baik kepada penduduk tempatan adalah tindakan yang bodoh. Ini kerana apabila rakyat tempatan mendapat pendidikan dan terlepas dari belenggu kejahilan, maka mereka akan cuba melepaskan diri dari kongkongan penjajah. (Ramlah Adam, 1991:13-14) Tetapi British juga sedar bahawa tidak wajar pula untuk membiarkan penduduk tempatan berada dalam kejahilan kerana perkara ini boleh merugikan pihak British sendiri terutamanya di dalam aspek ekonomi dan masyarakat dalam jangka panjang.

Oleh itu, satu jalan tengah telah diambil dengan memperkenalkan satu sistem pendidikan di mana seluruh aspek, sistem nilai dan kebudayaan masyarakat tempatan dibentuk dan diindoktrinasikan dengan pengaruh kebudayaan, sikap dan pandangan barat. Dengan ini maka lahirlah sekolah kerajaan dan sekolah mubaligh di bawah kelolaan kerajaan British yang dikenali sebagai sekolah vernakular Melayu pada awal abad ke-19 Masihi, iaitu hasil cantuman antara pendidikan tradisional Melayu dan pendidikan British. (<http://www.perpustam.edu.my/melaka/vernacular.html>) Istilah 'vernakular' membawa maksud 'bahasa pengantar bahasa ibunda'. Oleh itu, sekolah vernakular Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Menurut Abdullah Ishak, institusi-institusi pendidikan ini didasari oleh idea pemodenan Barat. Ia amat menitikberatkan pekerjaan, prestij dan pembangunan yang perlu dibawa oleh sistem pendidikan. (1990 : 170)

Kerajaan Negeri-negeri Selat telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sekolah rendah vernakular Melayu setelah mendapat arahan dari mahkamah Pengarah-pengarah di India pada tahun 1855 Masihi. Justeru, pada tahun 1856 Masihi, dua buah sekolah Melayu didirikan, iaitu di Bayan Lepas (Pulau Pinang) dan di Teluk Belanga (Singapura). Sekolah di Teluk Belanga kemudiannya ditukar menjadi Sekolah Tinggi Inggeris dan seterusnya menjadi sebuah maktab bagi melatih guru-guru sekolah Melayu. Pada tahun 1863 Masihi, tiga buah lagi sekolah rendah ditubuhkan di Seberang Perai, tetapi akhirnya terpaksa ditutup.

Penutupan sekolah-sekolah Melayu disebabkan kurang mendapat sambutan masyarakat tempatan disebabkan tiada kesedaran tentang kepentingan pelajaran untuk anak-anak, ketiadaan sistem pengangkutan yang baik dan kecurigaan masyarakat Melayu terhadap sekolah-sekolah kerajaan yang dikatakan cuba menyebarkan ideologi sekular yang bertentangan dengan ajaran Islam. Tambahan pula, anak-anak perempuan pula tidak digalakkan langsung untuk pergi ke sekolah kerana bimbang mereka akan terjebak dalam pergaulan bebas dengan anak-anak lelaki.

Pembesar-pembesar Melayu merasa amat malu tentang sambutan dingin masyarakat Melayu terhadap Sekolah Vernakular Melayu yang diperkenalkan oleh British. Mereka telah meminta jasa baik A.M. Skinner (pemangku Majistret di Seberang Perai) untuk menarik minat masyarakat Melayu terhadap pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. (Gullick, 1963:202, Cheeseman, 1948:9) Pada tahun 1872 Masihi, Skinner telah mencadangkan supaya kerajaan British mengambil-alih pentadbiran sekolah mengaji al-Quran yang selama ini menjadi pusat tradisional masyarakat Melayu dan menjadikannya persekolahan dua sesi, iaitu pagi dan petang. Pada sebelah pagi, murid-murid mempelajari Bahasa Melayu (dalam tulisan Jawi), Matematik, Sejarah, Ilmu

Alam dan beberapa mata pelajaran vokasional seperti pertanian dan pertukangan. Pada sebelah petang, murid-murid diajar pelajaran al-Quran dan Bahasa Arab.(Abu Zahari, 1984:10-11, Sufean Hussin, 1996:12) Dalam suratnya kepada Gabenor bertarikh September 1871 Masihi, Skinner menceritakan rancangannya seperti berikut:

I would aim at opening village schools of an entirely vernacular character in as many places as possible. Fortunately, the foundations of such schools are already prepared; for the boys who now assemble in most of the villages to read the Koran will be the pupils, the Hadjee or Khatib who teaches them would be the master, and the mosque and other reading-place outside, will serve the school room.
(Chelliah, 1947:63 dipetik oleh Phang, 1973:12)

Cadangan Skinner telah diterima oleh Residen Kaunselor, Arthur N. Birch dan mendapat kerjasama masyarakat Melayu terutamanya mereka yang tinggal di Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Johor. Satu undang-undang untuk mewajibkan anak-anak bersekolah telah digubal di Negeri Sembilan (1900), Pahang (1908), Perak (1916) dan Selangor (1923). Sekolah untuk murid-murid perempuan pula didirikan di Teluk Belanga, Singapura (1884) dan Pulau Pinang (1889).

Sekolah vernakular Melayu mendapat bantuan penuh daripada kerajaan. Sekolah ini menyediakan pendidikan asas selama empat tahun. Walau bagaimanapun, bantuan kewangan tidak diberikan kepada sekolah petang. Yuran untuk guru-guru agama dibiayai sendiri oleh ibu bapa. Pendidikan untuk anak-anak Melayu terhenti setakat darjah empat kerana ketiadaan sekolah menengah Melayu (Sufean Hussin, 1996: 13)

Pada tahun 1903 Masihi, R.J. Wilkinson memperkenalkan tulisan Rumi di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Tujuan utamanya ialah membakukan ejaan dan sebutan Bahasa Melayu bagi memudahkan penerbitan surat-surat rasmi kerajaan

seterusnya bahan-bahan penulisan dan sastera.(Abu Zahari, 1984: 12, Sufean Hussin, 1996:13) Pada tahun 1916 Masihi, R.O. Winstedt selaku Timbalan Pengarah Pendidikan ketika itu berusaha memperbaiki kurikulum sekolah-sekolah Melayu supaya sesuai dengan suasana tempatan. Beliau memperkenalkan kurikulum vokasional seperti pertanian, masakan, membuat bakul, membuat tikar dan membuat jaring.(Ramlah Adam, 1991:12-13, Sufean Hussin, 1996:13).

Sekolah vernakular Melayu juga menghadapi masalah kekurangan guru-guru. Untuk mengatasi masalah itu, R.J. Wilkinson telah menubuhkan Maktab Melayu Melaka pada tahun 1900 Masihi. Setelah itu, dua buah lagi maktab perguruan ditubuhkan. Maktab Perguruan Sultan Idris dibina di Tanjung Malim, Perak pada tahun 1922 Masihi bagi menyediakan pendidikan menengah dan kursus perguruan bagi guru lelaki. Sebuah lagi maktab ditubuhkan di Melaka pada tahun 1935 Masihi dan dinamakan Maktab Perguruan Perempuan Melayu. (Ramlah Adam, 1991:19) Perkara ini diharap dapat memajukan sekolah-sekolah vernakular Melayu dan serentak dengan itu menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut.

Dari awal abad kedua puluh, masyarakat Melayu mula menyedari bahawa pendidikan di sekolah Inggeris lebih menguntungkan dan lepasan sekolah tersebut mudah untuk bekerja dengan kerajaan. Sebaliknya, pendidikan di sekolah Melayu tidak dapat menjamin mobiliti sosial serta masa depan yang baik. Oleh itu, sesetengah masyarakat Melayu, apatah lagi kaum pendatang, memandang rendah terhadap sekolah Melayu. Masyarakat Melayu di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris di bandar-bandar. Perkara ini sedikit-sebanyak mengurangkan pendaftaran di sekolah-sekolah

vernakular Melayu. (Sufean Hussin, 1996:14) Ini menunjukkan bahawa kewibawaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu masih diragui oleh masyarakat pada masa tersebut.

Kesimpulan

Sebelum kedatangan British, pelajaran bahasa Melayu diajar secara informal. Hanya golongan yang menyedari kepentingan bahasa Melayu berusaha mempelajarinya daripada mereka yang mahir. Setelah kedatangan Inggeris, pelajaran bahasa Melayu mula diperkenalkan secara formal dengan penubuhan sekolah Melayu di Bangkahulu dan *Raffles Institution* di Singapura. Kemudian, British memperkenalkan pula sekolah vernakular melayu. Dengan cara tersebut, bahasa Melayu bertahan dan berkembang dalam masyarakat Melayu sebagai bahasa ilmu. Walau bagaimanapun, penjajah British lebih mengutamakan kebolehan berbahasa Inggeris jika ingin mengambil seseorang pekerja di pejabat-pejabat kerajaan. Bahasa Melayu tidak begitu dipentingkan. Hanya selepas negara mencapai kemerdekaan, barulah bahasa Melayu kembali didaulatkan sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah serta institusi pengajian tinggi.